

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD  
RAHMAN  
(SIK)**

**TARIKH : 18.6.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah kesan yang jelas memberi manfaat kepada negara hasil *ASEAN Defence Senior Official Meeting* di Myanmar baru-baru ini. Apakah peranan Malaysia dalam mesyuarat tersebut dan adakah apa-apa perjanjian usahasama dilaksanakan hasil daripada mesyuarat tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Mesyuarat *ASEAN Defence Senior Officials' Meeting* (ADSOM) telah diadakan pada 28 hingga 30 April 2014 di Myanmar. Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan dengan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan. Mesyuarat tersebut telah membincangkan kemajuan aktiviti-aktiviti pertahanan ASEAN, isu-isu keselamatan dan pertahanan serantau dan antarabangsa.**

**Mesyuarat ini adalah platform bagi pegawai-pegawai kanan ASEAN untuk mengukuhkan persahabatan sesama anggota bagi tujuan "*confidence building*". Ini adalah penting dalam memastikan negara-negara ASEAN akan sentiasa bersama-sama kita dalam menangani sebarang krisis atau masalah, sebagaimana insiden MH370 di mana kesemua negara ASEAN telah menghulurkan bantuan tanpa kita memohon.**

Mesyuarat tersebut juga perlu bagi mengukuhkan *ASEAN Centrality*, dengan izin, bagi membuktikan kepentingan ASEAN sebagai satu pertubuhan dianggotai negara-negara yang sentiasa bekerjasama dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Pertemuan dengan Pegawai-pegawai Kanan Pertahanan ASEAN juga adalah penting bagi menjalin hubungan yang lebih rapat bagi mendapat sokongan apabila Malaysia menjadi pengerusi ASEAN pada tahun 2015. Memandangkan ADSOM ialah forum perbincangan yang bersifat strategik dan dasar, tiada perjanjian usahasama dilaksanakan sebaliknya rangka kerja tiga tahun ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) telah dibentangkan untuk jangka waktu 2014-2017.